

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 18 JUN 2014 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Hari Matahari Antarabangsa 2014 Sabtu ini	Utusan Malaysia
2	Pereka inovasi tempatan terpinggir	Sinar Harian
3	El Nino: Kerajaan negeri sudah buat persiapan	Sinar Harian
4	Angin kencang, laut bergelora berterusan sehingga ahad	Bernamea.com
5	Unjur bioteknologi hasilkan 60 peratus pelaburan	Berita Harian
6	Syarikat milik Kementerian Kewangan rugi RM 78.72 Juta	Utusan Malaysia
7	Signing on to science's superiority	New Straits Times
8	ECERDC bantu jana pendapatan usahawan lebih lumayan	Bernamea.com
9	Dua anggota parlimen PKR diperintah keluar dari dewan rakyat	Bernamea.com

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23**  
**TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)**

## Hari Matahari Antarabangsa 2014 Sabtu ini

KUALA LUMPUR 17 Jun  
- Orang ramai dijemput menghadiri sambutan Hari Matahari Antarabangsa 2014 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di Oriental Village, Langkawi, Kedah pada Sabtu ini.

Agensi Angkasa Negara (Angkasa) dalam kenyataannya di sini hari ini berkata, program itu bertujuan memupuk minat orang ramai terhadap bidang sains dan teknologi angkasa.

"Sambutan ini merupakan salah satu inisiatif Angkasa menerusi projek Solar Astronomi Charlie Bates untuk menambah kesedaran awam terhadap keunikan dan kepentingan matahari kepada manusia

"Antara aktiviti yang disediakan adalah seperti pencerapan matahari, tayangan mini planetarium, membina jam matahari, membina pelangi spektrum matahari, pertandingan mewarna dan teka bilangan tompok matahari," kata kenyataan itu.

Maklumat lanjut berhubung sambutan itu boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang atau Facebook Angkasa.



# Pereka inovasi tempatan terpinggir

Hasil rekaan inovasi lokal setanding produk rekaan luar tetapi tiada peluang untuk dikomersialkan

**SABAK BERNAM** - Bekas juara anugerah inovasi cemerlang peringkat negeri Selangor 2009 kesal apabila golongan pereka inovasi di negara ini terpinggir, walaupun ada di antara hasil ciptaan mereka mampu menembusi pasaran tempatan.

Marham Dolah Kanan, 51, berkata, kerana birokrasi syarikat dan pengilang menjadi punca utama pereka inovasi sukar mengembangkan bakat dan menghasilkan produk yang lebih kreatif dan inovatif pada masa hadapan.

Menurutnya, kebanyakan pereka inovasi sukar mendapat kepercayaan daripada pengilang untuk menghasilkan produk ciptaan sendiri meskipun mereka mendapat pengiktirafan daripada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

"Saya sendiri berdepan dengan masalah ini apabila syarikat (pengilang) meminta kita menghasilkan pelbagai reka bentuk, sedangkan kita pun baru mencipta sesuatu produk terbahit," katanya.

Malah katanya, terdapat ramai pereka inovasi profesional di Institusi

Pengajian Tinggi (IPT) terpaksa menyimpan hasil rekaan masing-masing hanya untuk pertunjukan atau pameran semata-mata disebabkan ketiadaan syarikat untuk mengambil idea kreatif tersebut untuk dipasarkan.

"Pereka inovasi di Malaysia ini terpinggir, kalau nak popular bolehlah masuk pertandingan dan menang kemudiannya dapat hadiah. Tapi idea untuk memasarkan produk yang dihasilkan belum tentu dapat menarik minat syarikat," katanya sambil memberitahu terdapat juga syarikat pengilang yang melihat idea pereka inovasi kemudiannya meniru hasil rekaan tersebut.

"Setelah itu idea itu ditiru, ia kemudian diserahkan kepada pihak lain untuk menghasilkan produk yang sama tetapi mempunyai reka bentuk yang berbeza.

"Saya pernah hantar hasil rekaan topi kalendar kanak-kanak pada sebuah syarikat pengilang, malangnya hasil rekaan saya itu ditiru dan diubah dari segi reka bentuknya sahaja," katanya.

Selain masalah itu, Marham berkata, pereka inovasi juga berdepan



Marham yang hanya bergantung kepada punca pendapatan hasil inovasi meminta YIM memberi perhatian serius pereka inovasi agar produk kreatif mereka itu diterima syarikat sekali gus dapat dipasarkan.

masalah memohon pinjaman bank, sedangkan semasa seminar inovasi yang dihadiri mereka sebelum ini, pihak institusi kewangan memberi jaminan membantu pereka inovasi tempatan.

"Pihak bank sendiri mengakui pereka inovasi boleh membuat pinjaman bank. Kalau tak mampu

untuk reka yang besar, reka yang kecil. Tapi, apabila dah direka yang kecil, pinjaman susah nak diluluskan," katanya.

Sehubungan itu katanya, YIM diminta untuk menggiatkan lagi usaha mencari pereka inovasi tempatan yang boleh menghasilkan produk berkualiti tinggi untuk dipasarkan

sekali gus bersaing dengan produk import yang lain.

"Kita lihat saja negara maju seperti Jepun amat mengiktiraf idea kreatif rakyatnya berbanding di negara ini, yang masih bergantung kepada hasil inovasi teknologi luar. Pada saya, jika inovasi tempatan dikomersialkan, tak mustahil hasil inovasi tempatan mampu bersaing di pasaran," katanya.

Menurutnya, beberapa hasil inovasi yang diciptanya hanya mampu dijual kepada penduduk setempat mengikut tempahan memandangkan kos yang diperlukan bagi menghasilkan sesuatu produk kreatif memerlukan modal yang tinggi.

"Pendapatan saya bergantung kepada tempahan pelanggan.

"Jika ada tempahan inovasi, adalah sumber pendapatan. Tapi untuk memasarkan produk di negara ini amat mustahil kerana terdapat banyak halangan," katanya sekali gus memberitahu sehingga kini terdapat 30 produk inovasi rekaannya berjaya dijual kepada pembeli secara terus seperti mono kesikal yang direka khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU).

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (KRISIS AIR SELANGOR) : MUKA SURAT 44**  
**TARIKH: 18 JUN 2014 (RABU)**

## El Nino: Kerajaan negeri sudah buat persiapan

**KERAJAAN** negeri sudah bersedia berdepan musim panas dan sudah mengambil langkah awal bagi mengurangkan kesan El Nino dengan kerjasama **Jabatan Meteorologi Malaysia** dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong berkata, kerajaan negeri sudah melakukan operasi pembenihan awan yang dilaksanakan Luas sejak 27 Mac lalu sehingga sekarang dengan kerjasama **Jabatan Meteorologi** dan syarikat swasta bagi meningkatkan paras empangan Sungai Selangor kepada 55 peratus.

"Selain itu, pengempaman air Sungai Selangor ke dalam kolam alternatif yang terdapat di Hulu Sauk di sepanjang sungai apabila paras sungai rendah akibat cuaca

Empangan	Takungan (%)	Hujan (Mm)
Batu	92.05	0.00
Klang Gates	79.80	0.00
Langat	70.21	0.00
Semenyih	86.18	0.00
Sg Selangor	43.79	0.00
Sg Tinggi	70.07	0.00
Tasik Subang	82.37	0.00

SUMBER: <http://iwrimsluas.gov.my/>

ca kering juga dilakukan," katanya menjawab pertanyaan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib dalam Sidang Dun, semalam.

Pihaknya juga berusaha memastikan bekalan air mencukupi sehingga bulan Oktober dengan bantuan Luas serta kerjasama dengan Kumpulan Semesta (KSSB) melalui pemasangan unit pam yang akan digunakan untuk mengempam air dari ko-

lam alternatif ke dalam Sungai Selangor bagi menambah bekalan air mentah.

"Luas sudah mengenal pasti beberapa lokasi untuk mendapatkan air bumi sebagai sumber tambahan ketika musim kering.

"Kilang Megasteel di Kuala Langat umpamanya telah memberikan komitmen secara berterusan bagi membekalkan sumber air bumi kepada orang awam," katanya.

Fenomena El Nino bermula awal bulan ini dan dijangka hingga September dialami rakyat negeri ini dengan suhu melebihi 35 darjah Celsius.

Impak El Nino kepada negara pula secara umumnya boleh menyebabkan hujan berkurangan serta berlaku kebakaran hutan yang boleh menyebabkan kejadian jerebu tebal.



BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 18 JUN 2014 (RABU)



## Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Angin kencang barat daya dan laut bergelora di perairan Langkawi, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah (Kudat dan Pantai Barat) dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataan pada Selasa berkata angin kencang barat daya berkelajuan antara 40 dan 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Kawasan perairan Phuket, Selat Melaka Utara, Samui, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan turut diramal mengalami keadaan serupa.

Kenyataan itu juga memberi amaran ribut petir di perairan Condore, Samui, Sulu dan Reef North yang dijangka berterusan sehingga lewat petang ini.

Keadaan itu boleh mengakibatkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam serta laut bergelora dengan ketinggian ombak mencecah 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

